



KUPASAN MUTU JAWAPAN

KESUSASTERAAN MELAYU **SPM**
2215/1 2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	2215/1
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas soalan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian Satu dan Bahagian Dua.

Bahagian Satu

Bahagian ini terdiri daripada 10 soalan berbentuk struktur dan mengandungi satu atau dua pecahan. Markah diperuntukkan sebanyak 40. Setiap soalan diperuntukkan 4 markah. Calon perlu menjawab semua soalan dalam bentuk struktur atau jawapan ringkas.

Bahagian Dua

Bahagian ini mengandungi 6 soalan yang terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Markah diperuntukkan sebanyak 60. Setiap soalan diperuntukkan 20 markah. Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja iaitu satu soalan daripada setiap bahagian. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei. Calon diberi masa selama dua jam tiga puluh minit untuk menjawab kedua-dua bahagian tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, kualiti pencapaian calon pada tahun ini lebih baik berbanding dengan pencapaian calon pada tahun 2014. Jawapan calon memenuhi kehendak atau tugas soalan dan calon dapat menyampaikan jawapan menggunakan bahasa yang lancar dan jelas.

Namun begitu masih terdapat jawapan calon yang gagal memenuhi tugas soalan kerana jawapan yang dikemukakan tidak relevan dan salah.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Kumpulan Tinggi**

Jawapan calon dalam kumpulan ini mematuhi arahan dan kehendak tugas soalan. Jawapan yang dikemukakan adalah tepat. Hal ini dikesan menerusi fakta, huraian dan contoh peristiwa yang jelas dan betul serta bertepatan dengan kehendak soalan. Jawapan calon bertepatan dengan peraturan pemarkahan dan disampaikan mengikut teknik penulisan yang tepat.

Kumpulan Sederhana

Jawapan calon masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Jawapan calon masih tepat dari segi fakta tetapi huraian dan contoh tidak relevan atau umum. Jawapan calon juga tidak menepati teknik penyampaian jawapan sebagaimana kehendak soalan.

Kumpulan Rendah

Mutu jawapan calon kurang baik kerana calon gagal menguasai teks yang dikaji. Jawapan calon lemah kerana gagal menguasai kehendak soalan selain teknik jawapan yang lemah.

Mutu jawapan calon kurang baik kerana jawapan yang diberikan menunjukkan calon gagal menguasai teks yang dikaji. Jawapan calon tidak memenuhi kehendak soalan.

PRESTASI TERPERINCI

BAHAGIAN SATU

Soalan 1

1

<p style="text-align: center;">GURINDAM DUA BELAS – FASAL YANG KESEBELAS</p> <p style="text-align: center;">Hendak marah, dahulukan hujah.</p> <p style="text-align: center;">Hendak dimalui, jangan melalui.</p> <p style="text-align: center;">Hendak ramai, murahkan perangai.</p>
--

Dipetik daripada *Seuntai Kasih Secebis Harapan*

Nyatakan **dua** ciri puisi di atas.

Bagi soalan 1, calon dikehendaki menyatakan dua ciri puisi yang terdapat dalam petikan puisi yang diberi.

1. Dua ciri puisi di atas ialah puisi di atas mempunyai dua bilangan patah ~~per~~ perkataan dalam sebaris ~~sepanjang~~ ^{satu} sebagai contohnya, "Hendak ~~marah~~ marah, dahulukan hujah."
 Selain itu, puisi di atas juga mempunyai empat hingga tujuh bilangan suku kata dalam sebaris ~~sepanjang~~. Sebagai buktinya, "Hendak ~~marah~~ marah," "murahkan perangai".

Jawapan calon di atas ialah contoh jawapan cemerlang kerana memenuhi tugas soal. Fakta yang dikemukakan adalah tepat. Hal ini kerana jawapan calon menyatakan bilangan perkataan dalam sebaris dan bilangan suku kata dalam sebaris. Cara penyampaian jawapan calon juga jelas dan mudah difahami.

1	Dua ciri puisi di atas ialah
1	Nasihat
2	Terikat

Jawapan calon di atas adalah sederhana. Sebahagian jawapan calon memenuhi tugas soal. Hal ini demikian kerana ciri puisi yang dinyatakan berbentuk terikat manakala satu jawapan lagi yang calon berikan tidak tepat atau bukan ciri puisi. Teknik penyampaian jawapan masih boleh diterima untuk jawapan dalam struktur.

1	nyatakan dua ciri puisi di atas
	Hendak marah.
	dahulukan hujah.
	Hendak dimaki.
	jangan melaki.
	hendak ramai,
	Murahkan perangai,

Jawapan calon adalah lemah kerana tidak memenuhi tugas soal. Calon mengemukakan contoh puisi daripada soal. Jawapan calon tidak menyatakan ciri-ciri puisi sebagaimana kehendak soal.

Soalan 2

2

Maka pada ketika itu, tuan puteri pun baharulah bangun daripada beradu itu serta dengan Putera Jayapati. Maka inangda pun meniarap di kaki tuan puteri serta dengan tangisnya, lalu berdatang sembah, "Ampun tuanku beribu-ribu ampun. Bolehkah kata patik hamba tuha ini, janganlah tuanku kedua ini lagi bermain. Adapun sekarang ini hilanglah seri mahligai patik dan hilanglah mahkota patik dan hilanglah cahaya mata patik dan hilanglah junjungan kepala patik dan hilanglah nyawa badan patik."

Dipetik daripada *Hikayat Putera Jayapati*

Jelaskan **dua** gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas.

Bagi soalan 2, calon dikehendaki menjelaskan dua gaya bahasa berdasarkan petikan yang diberi. Calon mesti mengemukakan fakta dan contoh yang sesuai dengan petikan.

Soalan 2:

2) Dua gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas.

i) Diksi: (kata ganda)

Contoh: (beribu-ribu.)

ii) Diksi: (Bahasa istana)

Contoh (Patik) (hamba.)

Jawapan calon adalah tepat dengan memberikan dua gaya bahasa yang terdapat dalam petikan. Setiap gaya bahasa disertakan contoh yang betul berdasarkan petikan yang diberi. Jawapan calon di atas adalah cemerlang.

2	Dua gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas
	ialah kata ganda contohnya, "Ampun tuanku beribu-
	<u>ribu</u> ampun. Selain itu, <u>Anafora</u> contohnya, hilanglah
	rahaya mata patik dan <u>hilanglah</u> junjungan kepala patik

Jawapan calon di atas dalam kategori sederhana. Sebahagian jawapan calon masih tepat kerana terdapat fakta dan contoh yang betul. Namun demikian, fakta yang kedua dalam jawapan calon adalah salah. Dalam petikan tidak ada gaya bahasa anafora.

Soalan 3

3	Maka Sultan Abdullah pun beralihlah duduk di dalam negeri Serendah Kebun Bunga, di dalam Kota Jelasin itu menjadi raja, terlalulah besar kerajaan pada masa itu. Maka tatkala Sultan Abdullah beralih pergi duduk di dalam Kota Jelasin, maka Encik Siti pun berpindahlah pergi duduk di Gunung Ayam sekali dengan hamba sahaya dan rakyat sakar menjadi raja di Gunung Ayam.
---	---

Dipetik daripada *Hikayat Seri Kelantan*

Nyatakan **dua** latar tempat yang terdapat dalam petikan di atas.

Bagi soalan 3, calon dikehendaki menyatakan dua latar tempat berdasarkan petikan yang diberi.

3:	Dua latar tempat yang terdapat dalam petikan di atas
	1- Negeri Serendah Kebun Bunga
	2- Kota Jelasin
	3- Gunung Ayam

Jawapan calon dikategorikan sebagai cemerlang dan tepat berdasarkan tugas soal dengan mengemukakan tiga latar tempat yang tepat berdasarkan petikan walaupun soalan mengkehendaki calon menyatakan hanya dua latar tempat sahaja. Cara penyampaian jawapan adalah sesuai untuk soalan struktur.

3. Nyatakan dua kata terpuat yang terdapat dalam petikan di atas.

Maka Sultan Abdullah Purn berakhlak duduk didalam negeri

Serendah belun bunga

didalam kota Jelasin itu menjadi raja.

Jawapan calon lemah kerana kaedah penyampaian tidak menepati kehendak soalan. Jawapan yang ditulis tidak menggambarkan fakta kerana calon menyalin jawapan secara terus daripada petikan.

Soalan 4

4

Madu ilmu
minuman ajaib
tiap tegukan menyalakan dahaga
bergandaan
tiap penemuan merasakan kehilangan
asyik pun berulang
ketidakpuasan meneruskan penerokaan
demikian ialah pengangkat insan
di tengah jadian
paksi alam
khalifah Tuhan.

Dipetik daripada sajak *Madu Ilmu*
oleh Shafie Abu Bakar

Berikan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam petikan puisi di atas.

Calon diminta memberikan dua gaya bahasa beserta contoh yang tepat daripada petikan yang diberi.

4) Dua gaya bahasa beserta contoh yang terdapat dalam petikan puisi di atas ialah:

i) Asonansi : Pengulangan vokal "a"

Contoh : demikian ialah pengangkat insan

ii) Aliterasi : Pengulangan vokal konsonan "i"

Contoh : (demikian ialah pengangkat insan)

Jawapan calon adalah cemerlang dan tepat dengan menyatakan dua gaya bahasa yang betul. Contoh yang sesuai untuk setiap gaya bahasa juga disertakan dalam jawapan yang diberi.

4. Pertama Metaphor. Perbandingan menggunakan dua unsur yaitu unsur abstrak dan konkrit. Contohnya, di Andu itu.
--

Jawapan calon adalah tepat tetapi hanya mengemukakan satu fakta dan contoh tidak menepati kehendak soalan. Jawapan calon ini dikategorikan sebagai sederhana.

Soalan 5

- 5 Berdasarkan Teks Madu Ilmu dan Teks Anak Global yang telah anda pelajari dalam Antologi Teks Kesusasteraan Melayu Moden, nyatakan:
- Maksud drama realisme.
 - Dua judul drama realisme yang terdapat dalam teks Kesusasteraan Melayu yang anda pelajari.

Bagi soalan 5, calon dikehendaki menyatakan maksud drama realisme. Calon juga dikehendaki menyatakan dua judul drama realisme yang terdapat dalam teks yang dipelajari.

5. (a) Realisme bermaksud Drama realisme bermaksud drama yang diadaptasi dari kehidupan yang sebenar.

(b) Pertana, drama Muzikal Kampung Baru, Kadug, Dongag song Peteri

Jawapan calon di atas adalah cemerlang. Jawapan calon menepati konsep drama realisme dan mengemukakan dua judul drama realisme yang tepat sebagaimana kehendak soalan.

5) a) Maksud drama realisme ialah peristiwa yang nyata, yang berlaku.

b) Dua judul drama realisme yang terdapat dalam tek kebudayaan Melayu

- 1) Anak Global
 - Mengapai pelangi
 - Muzikal kampung Baru
- 2) Madu Ilmu
 - ~~Baharet~~ ~~Bagai~~ ~~Hembusan~~ ~~bagu~~ ~~senja~~ Baurei
 - Lima perwira

Jawapan calon adalah sederhana dan kurang tepat dalam menyatakan maksud drama realisme tetapi judul drama realisme dapat dinyatakan dengan tepat.

5. (a) maksud drama realisme adalah maksud ke drama benar yang telah digubal sedikit untuk menjadi kisah yang realisme dengan drama cinta anak global,
 (b) judul mak petani
 (b) judul kisah sang ibu

Jawapan calon adalah lemah kerana fakta yang diberikan tidak tepat serta tidak menyatakan maksud drama realisme yang betul. Dua judul drama yang dinyatakan tidak terdapat dalam teks yang dipelajari.

Soalan 6

6

Rini pendiam orangnya. Namun, dia petah berbicara apabila diajukan soalan. Sesekali nada suaranya ditekan keras bagi menyatakan keperitan hidup dan tekanan yang dihadapinya. Lebih-lebih lagi tugasnya sebagai anak sulung kepada enam orang adik yang masih kecil. Tanggungjawab ini diambil alih setelah kematian ayahnya dan kesibukan ibunya mencari nafkah setiap hari.

Dipetik daripada cerpen *Di bawah Langit Takut-Takut*
 oleh Amalia Fauza Bohari

Berikan **empat** perwatakan Rini yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

Bagi soalan 6, calon dikehendaki memberikan empat perwatakan Rini yang terdapat dalam petikan cerpen.

6 (a) Rini seorang yang pendiam.
 (b) Rini seorang yang petah bercakap.
 (c) Rini seorang yang tabah.
 (d) Rini seorang yang pendiam bertanggungjawab.

Jawapan calon di atas adalah cemerlang dan tepat kerana menepati tugas soalan dengan menyatakan perwatakan Rini. Kaedah penyampaian jawapan juga ringkas dan mudah difahami.

6.	- pendiam
	- bertanggungjawab
	- tabah
	- bijak berbicara

Kaedah penyampaian jawapan calon adalah tidak tepat. Jawapan yang diberikan terlalu umum tanpa menyatakan perwatakan Rini dengan lengkap. Jawapan ini dikategorikan sebagai jawapan yang lemah.

Soalan 7

7

GULAM RUSSEL: Idea ini timbul semasa kami belajar di luar negara. Waktu cuti musim panas kami mengembara melihat negeri orang. Banyak yang kami tengok. Timbul idea nak bawa balik ke kampung halaman sendiri. Rumah tinggalan arwah datuk dan mak saya akan kami jadikan markas atau ibu pejabat. Arwah ayah saya tubuhkan satu akaun amanah untuk saya dan adik saya. Wang daripada akaun ini saya gunakan untuk tubuh Perbadanan Kemajuan Kampung Baru atau PKKB. Isteri dan kawan-kawan saya bekerja dengan perbadanan, tapi tak bergaji. Semua perbelanjaan saya biaya. Sebahagian kami ada kerja sambilan. Jadi kami boleh hidup. Kami nak jadikan Kampung Baru sebuah kampung Melayu yang terbaik bertaraf dunia atau *world class*. Sebuah kampung dalam sebuah bandar raya yang boleh dikunjungi pelawat serata dunia!

Dipetik daripada drama *Muzikal Kampung Baru*
oleh Hatta Azad Khan

Pada pandangan Gulam Russel, dia dan rakan-rakannya boleh membangunkan Kampung Baru sebagai sebuah kampung Melayu bertaraf dunia.

Berdasarkan petikan drama di atas, nyatakan **dua** alasan Gulam Russel berpandangan sedemikian.

Bagi soalan 7, calon dikehendaki menyatakan dua alasan Gulam Russel boleh membangunkan Kampung Baru sebagai sebuah kampung Melayu bertaraf dunia.

7. Dua alasan Gulam Russel berpandangan demikian ialah Gulam Russel menjadikan rumah tinggalah keluarganya sebagai markas dan isteri dan kawan-kawan Gulam Russel akan bekerja secara sukarela.

Jawapan calon adalah tepat dan cemerlang dengan mengemukakan dua alasan yang jelas. Jawapan yang dikemukakan menggambarkan calon memahami petikan dan kehendak soalan dengan sempurna.

1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
15
16
17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60
61
62
63
64
65
66
67
68
69
70
71
72
73
74
75
76
77
78
79
80
81
82
83
84
85
86
87
88
89
90
91
92
93
94
95
96
97
98
99
100
101
102
103
104
105
106
107
108
109
110
111
112
113
114
115
116
117
118
119
120
121
122
123
124
125
126
127
128
129
130
131
132
133
134
135
136
137
138
139
140
141
142
143
144
145
146
147
148
149
150
151
152
153
154
155
156
157
158
159
160
161
162
163
164
165
166
167
168
169
170
171
172
173
174
175
176
177
178
179
180
181
182
183
184
185
186
187
188
189
190
191
192
193
194
195
196
197
198
199
200
201
202
203
204
205
206
207
208
209
210
211
212
213
214
215
216
217
218
219
220
221
222
223
224
225
226
227
228
229
230
231
232
233
234
235
236
237
238
239
240
241
242
243
244
245
246
247
248
249
250
251
252
253
254
255
256
257
258
259
260
261
262
263
264
265
266
267
268
269
270
271
272
273
274
275
276
277
278
279
280
281
282
283
284
285
286
287
288
289
290
291
292
293
294
295
296
297
298
299
300
301
302
303
304
305
306
307
308
309
310
311
312
313
314
315
316
317
318
319
320
321
322
323
324
325
326
327
328
329
330
331
332
333
334
335
336
337
338
339
340
341
342
343
344
345
346
347
348
349
350
351
352
353
354
355
356
357
358
359
360
361
362
363
364
365
366
367
368
369
370
371
372
373
374
375
376
377
378
379
380
381
382
383
384
385
386
387
388
389
390
391
392
393
394
395
396
397
398
399
400
401
402
403
404
405
406
407
408
409
410
411
412
413
414
415
416
417
418
419
420
421
422
423
424
425
426
427
428
429
430
431
432
433
434
435
436
437
438
439
440
441
442
443
444
445
446
447
448
449
450
451
452
453
454
455
456
457
458
459
460
461
462
463
464
465
466
467
468
469
470
471
472
473
474
475
476
477
478
479
480
481
482
483
484
485
486
487
488
489
490
491
492
493
494
495
496
497
498
499
500
501
502
503
504
505
506
507
508
509
510
511
512
513
514
515
516
517
518
519
520
521
522
523
524
525
526
527
528
529
530
531
532
533
534
535
536
537
538
539
540
541
542
543
544
545
546
547
548
549
550
551
552
553
554
555
556
557
558
559
560
561
562
563
564
565
566
567
568
569
570
571
572
573
574
575
576
577
578
579
580
581
582
583
584
585
586
587
588
589
590
591
592
593
594
595
596
597
598
599
600
601
602
603
604
605
606
607
608
609
610
611
612
613
614
615
616
617
618
619
620
621
622
623
624
625
626
627
628
629
630
631
632
633
634
635
636
637
638
639
640
641
642
643
644
645
646
647
648
649
650
651
652
653
654
655
656
657
658
659
660
661
662
663
664
665
666
667
668
669
670
671
672
673
674
675
676
677
678
679
680
681
682
683
684
685
686
687
688
689
690
691
692
693
694
695
696
697
698
699
700
701
702
703
704
705
706
707
708
709
710
711
712
713
714
715
716
717
718
719
720
721
722
723
724
725
726
727
728
729
730
731
732
733
734
735
736
737
738
739
740
741
742
743
744
745
746
747
748
749
750
751
752
753
754
755
756
757
758
759
760
761
762
763
764
765
766
767
768
769
770
771
772
773
774
775
776
777
778
779
780
781
782
783
784
785
786
787
788
789
790
791
792
793
794
795
796
797
798
799
800
801
802
803
804
805
806
807
808
809
810
811
812
813
814
815
816
817
818
819
820
821
822
823
824
825
826
827
828
829
830
831
832
833
834
835
836
837
838
839
840
841
842
843
844
845
846
847
848
849
850
851
852
853
854
855
856
857
858
859
860
861
862
863
864
865
866
867
868
869
870
871
872
873
874
875
876
877
878
879
880
881
882
883
884
885
886
887
888
889
890
891
892
893
894
895
896
897
898
899
900
901
902
903
904
905
906
907
908
909
910
911
912
913
914
915
916
917
918
919
920
921
922
923
924
925
926
927
928
929
930
931
932
933
934
935
936
937
938
939
940
941
942
943
944
945
946
947
948
949
950
951
952
953
954
955
956
957
958
959
960
961
962
963
964
965
966
967
968
969
970
971
972
973
974
975
976
977
978
979
980
981
982
983
984
985
986
987
988
989
990
991
992
993
994
995
996
997
998
999
1000

Alasan pertama pada bahagian awal jawapan calon adalah tidak tepat kerana alasan ini terlalu umum. Alasan kedua pula menepati tugas soalan dan disampaikan dengan jelas.

7. Gulam Russel berpandangan sedemikian kerana dia mempunyai sikap yang optimis. Gulam ingin melihat Kampung Baru maju dan tidak pernah berputus asa walaupun mendapat tentangan daripada segelintir pihak penduduk kampung.

Jawapan yang lemah dan tidak tepat kerana calon tidak memahami tugas soalan. Jawapan juga menggambarkan calon tidak menguasai petikan yang diberikan.

Soalan 8

8

“Ini Suria. Dialah cahaya mata kami. Sesiapa yang mahu bekerja di rumah kami terpaksa menyayangi Suria sebagai anak kami. Jika tidak dapat berbuat begitu, lebih baik awal-awal lagi mengaku. Boleh cari kerja di tempat lain.” Hakim berterus-terang dengan setiap calon yang ditemu dugaanya.

Dipetik daripada cerpen *Anak-Anak Suria*
oleh Zaharah Nawawi

Nyatakan **satu** nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam petikan di atas.

Soalan ini mengkehendaki calon menyatakan satu nilai murni beserta contoh yang sesuai daripada petikan cerpen yang diberi.

8.	Nilai murni.
	Nilai murni yang terdapat dalam petikan ialah nilai kasih sayang
	Contohnya, Hakim berterus-terang dengan setiap calon yang ditemu dugaanya bahawa mereka perlu menyayangi Suria jika ingin bekerja.

Jawapan calon ini cemerlang dan amat tepat dengan menyatakan satu nilai murni beserta contoh yang betul daripada petikan cerpen yang diberikan. Teknik penulisan jawapan juga betul.

8.	Satu nilai murni berserta contoh.
	: nilai murni yang terdapat dalam petikan ialah kasih sayang
	contohnya dialah cahaya mata kami.

Jawapan calon menyatakan nilai murni yang tepat iaitu kasih sayang. Walau bagaimanapun contoh bagi nilai murni yang dinyatakan tidak menggambarkan deskriptif nilai yang diberi seperti dalam petikan. Jawapan ini termasuk dalam kategori sederhana.

8 Nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas ialah kasih sayang manusia terhadap haiwan. Hakim amat menyayangi kucingnya Suria sehingga menganggap Suria seperti anaknya. Hakim juga sanggup mencari pembantu rumahnya untuk menjaga Suria ketika dia tiada di rumah. Dia juga mahu pembantu rumahnya menyayangi Suria seperti dia menyayanginya. Hakim sanggup mencari pembantu rumah yang sesuai demi menjaga Suria.

Jawapan calon lemah dan tidak menepati kehendak soalan kerana nilai murni yang dinyatakan tidak tepat. Nilai murni dinyatakan dalam bentuk persoalan bukan pernyataan nilai murni.

Soalan 9

9

Sebagai mengenang jasa Pak Teh, Ah Yau mengingatkan anak-anaknya supaya berbaik-baik dengan keluarga Pak Teh. Kini, kedua-duanya sudah tiada. Ah Bee yang berkedai di Pekan Jenun sangat patuh akan amanat mendiang bapanya. Sampai ketika ini dia masih berasa berhutang nyawa dengan keluarga Pak Teh. Oleh sebab itu, apabila Jalil menghadapi kesulitan akibat peristiwa malang tersebut, Ah Bee tidak henti-henti membantu.

Dipetik daripada novel *Dari Lembah ke Puncak*
oleh Ghazali Lateh

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **dua** pengajaran.

Bagi soalan 9, calon dikehendaki menyatakan dua pengajaran daripada petikan novel.

9) Kita hendaklah mengenasi jasa kepada orang yang sering kali membantu kita. Contohnya, Ah Bee mengingatkan anak-anaknya supaya berbaik-berbaik dengan keluarga Pak Teh. Pak Teh.

Kita haruslah membantu orang yang dalam kesukahan. Contohnya Ah Bee masih lagi berbaik bertutur nyawa dengan keluarga Pak Teh.

Oleh sebab itu, apabila Jalil menghadapi kesukitan akibat peristiwa malang tersebut, Ah Bee tidak henti-henti membantu.

Penyampaian jawapan calon tentang pengajaran berdasarkan petikan yang diberi adalah tepat dan jelas. Jawapan ini adalah cemerlang.

8) Kita haruslah mengamalkan nilai rasional
 Contohnya ialah "Setapa yang mahu bekerja di rumah
 kami terpaksa Melayansi Putia sebagai anak kami."

Jawapan calon adalah lemah dan tidak tepat. Jawapan yang diberi bukan pernyataan pengajaran sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan yang dikemukakan calon adalah salah dalam bentuk nilai murni.

9. Pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah Ah Bee yang berketidapan di Rakan Jenun sangat hormat kepada menatang kapanya sampai sehingga Ah Bee berbaik bertutur nyawa dengan keluarga Pak Teh. Pengajaran yang kedua ialah ~~Ah Bee tidak berbaik~~ apabila Jalil menghadapi kesukitan akibat peristiwa malang tersebut Ah Bee tidak berhenti-henti membantu Jalil.

Jawapan calon ini juga tidak tepat dan lemah kerana jawapan yang dikemukakan berbentuk huraian peristiwa dan bukannya pengajaran sebagaimana kehendak soalan.

Soalan 10

10

Cikgu Syakinah mengangguk dan tersenyum manis. Guru kaunseling itu terkenal peramah dan bertimbang rasa serta bertindak sebagai peleraikan setiap permasalahan yang mengganggu emosi murid di sekolah itu. Dia akan memanggil murid yang telah dikenakan tindakan disiplin, untuk memulihkan semangat mereka. Selain itu, dia juga menggalakkan murid datang sendiri secara sukarela minta diberi kaunseling. Dia akan bertindak sebagai ibu dalam mendekati anak-anak didiknya.

Dipetik daripada novel *Jeriji Kasih*
oleh Ramlah Abd. Rashid

Berdasarkan petikan di atas, berikan **dua** nilai murni yang terdapat pada watak Cikgu Syakinah.

Bagi soalan 10, calon dikehendaki memberikan dua nilai murni yang terdapat pada watak Cikgu Syakinah berdasarkan petikan novel yang diberi.

10	Nilai kasih sayang. Contohnya, dia akan bertindak sebagai seorang ibu dalam mendekati anak-anak didiknya.
	Nilai bertanggungjawab. Contohnya, dia akan memanggil murid yang telah dikenakan tindakan disiplin, untuk memulihkan semangat mereka.

Jawapan yang cemerlang, tepat dan memenuhi kehendak tugas. Nilai murni yang dinyatakan adalah tepat. Jawapan disampaikan dalam bentuk pernyataan yang jelas.

10	Nilai Murni yang pertama ada dalam diri cikgu Syakinah ialah nilai Rasional.
	Nilai Murni yang kedua ada dalam diri Cikgu Syakinah pula ialah nilai Amanah.

Jawapan calon tidak tepat dengan kehendak tugas kerana calon memberi jawapan yang tiada kaitan dengan nilai murni yang terdapat dalam petikan. Jawapan di atas adalah lemah.

10	Dua nilai murni yang terdapat pada watak cikgu Syakinah ialah cikgu Syakinah seorang yang peramah dan bertimbang rasa serta bertindak sebagai peletai setiap permasalahan yang mengganggu emosi murid. Cikgu Syakinah juga seorang yang penyayang sebagai contoh dia bertindak sebagai ibu dalam mendekati anak-anak didiknya.
----	--

Jawapan calon adalah tidak tepat kerana tidak menepati kehendak soalan. Jawapan yang diberikan menunjukkan pernyataan perwatakan cikgu Syakinah dan bukannya nilai murni.

BAHAGIAN DUA

Soalan 1

Pantun Enam Kerat

Jika berkehendakkan wangi,
Masukkan pandan seikat,
Menjual serbat di tanjung;
Buruk kain boleh diganti,
Busuk di badan dapat diubat,
Busuk di hati badan menanggung.

Bukit ini Bukit Temenggong,
Banyak bergantung sarang lebah,
Diambil, dihantar ke desa;
Sakit ini tidak tertanggung,
Janganlah lagi ditambah-tambah,
Kelak badanku rosak binasa.

Anwar Ridhwan dan Rahman Shaari (Penyelenggara)
Kuntum Pertiwi Buku 3, 1993
Dewan Bahasa dan Pustaka

(a) Jelaskan tiga ciri pantun di atas.

Soalan ini meminta calon menjelaskan tiga ciri pantun berdasarkan pantun yang diberikan. Calon juga perlu mengemukakan contoh yang sesuai bagi setiap ciri pantun yang dinyatakan.

1a. Tiga ciri pantun Enam Kerat di atas ialah pantun ini ada rangkap. Terdapat dua rangkap dalam pantun tersebut. Ciri seterusnya ialah pantun ini mempunyai rima akhir yang berselang iaitu abcabc. Selain itu, pantun ini mempunyai pembayang. Baris satu, dua dan tiga setiap rangkap ialah pembayang. Seterusnya pantun ini ada maksud. Contohnya, tiga baris kedua atau baris empat, lima dan enam setiap rangkap ialah maksud.

Jawapan calon di atas adalah cemerlang dan tepat mengikut tugas soal kerana jawapan calon mempunyai huraian dan fakta yang jelas.

① (a) Tiga ciri pantun ialah
 jumlah rangkap ialah 2 rangkap
 setiap rangkap ada 6 baris.
 jumlah suku kata. Pantun enam
 baris yang paling banyak rangkap pantun I
 jumlah suku kata yang
 paling sedikit ialah rangkap I
 baris 2.
 jumlah perenggan ialah jumlah
 perenggan yang paling banyak rangkap
 I baris 5. Jumlah perenggan
 yang paling sedikit ialah
 rangkap I baris 1.

Jawapan calon menyatakan huraian yang menggambarkan fakta. Sepatutnya jawapan hendaklah berbentuk fakta dan contoh. Jawapan calon ini dikategorikan sebagai sederhana.

(b) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam pantun tersebut.

Bagi soalan 1b, calon dikehendaki menyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam pantun di atas.

1b Antara pengajaran yang terdapat dalam Pantun Enam
 Kerat ialah kita janganlah mempunyai sikap hasad
 dengki sesama manusia. Selain itu, kita hendaklah bersimpati
 kepada orang yang mengalami kesusahan. Kita juga
 hendaklah membantu orang-orang yang memerlukan
 bantuan.

Jawapan calon adalah cemerlang, tepat dan memenuhi kehendak tugas. Jawapan yang dikemukakan adalah berbentuk pernyataan pengajaran yang betul. Penulisan jawapan yang jelas dan mudah difahami.

1b. Tiga pengajaran yang terdapat dalam pantun diatas ialah sifat seseorang manusia yang perlu menjaga tingkah laku untuk hidup lebih aman dan tiada perkara buruk berlaku. Seterusnya sifat peramah yang selalu menegur siapa dan bertanya khabar supaya kehidupan lebih sejahtera. Kita hendaklah menjaga tubuh badan untuk hidup yang lebih sihat dan tidak ada sebarang penyakit.

Jawapan calon lemah kerana tidak tepat untuk menggambarkan pernyataan pengajaran. Jawapan yang diberi menggambarkan pernyataan persoalan dalam pantun. Jawapan ini tidak mematuhi kehendak soalan.

(c) Cipta satu rangkap pantun enam kerat mengikut kreativiti anda.

Bagi soalan 1c, calon dikehendaki mencipta satu rangkap pantun 6 kerat mengikut kreativiti calon sendiri.

1.(c) Pergi ke pasar berjalan kaki,
 Berjalan kaki membeli roti,
 Roti dibeli bersama kari;
 Janganlah engkau bersikap dengki,
 Dengki di hati membawa erti,
 Ertinya nanti membinasakan diri

Jawapan ini dalam kategori cemerlang. Kekuatan jawapan calon ialah jawapan calon yang dihasilkan bertepatan dengan bentuk pantun enam kerat, tema dan penggunaan gaya bahasa yang menarik. Selain itu, pembayang dan maksud pantun yang dicipta juga terserlah.

1c	satu rangkap pantun empat kerat ialah.
	menabur selasih ditaman
	tumbuh dengan harmoni
	bercakap sopan
	hidup dihormati

Ciptaan pantun dalam kategori lemah kerana tidak menepati ciri pantun enam kerat yang dikehendaki dalam tugas soal. Ciptaan juga tidak menggambarkan kreativiti calon.

Soalan 2

2 Berdasarkan *Hikayat Putera Jayapati*:

(a) Nyatakan **tiga** perwatakan Putera Jayapati berserta contoh.

Bagi soalan 2, calon dikehendaki menyatakan tiga perwatakan Putera Jayapati beserta contoh yang terdapat dalam *Hikayat Putera Jayapati*.

2a	Perwatakan seorang yang mempunyai kesaktiaan. Contohnya, Putera Jayapati menyewu jin-jinnnya untuk membantu bertarung dalam peperangan bersama Raja Indera Witana.
	Perwatakan seorang yang penyayang. Contohnya, Putera Jayapati amat menyayangi kekasihnya iaitu Putri Cendera Nurhaila.
	Perwatakan seorang yang berani. Contohnya, Putera Jayapati berani untuk bertarung dan berperang bersama-sama dengan hulubalang-hulubalang walaupun kekasihnya melarangnya untuk berperang.

Jawapan calon ini dalam kategori cemerlang kerana amat tepat dengan kehendak tugas. Jawapan yang dikemukakan mempunyai fakta yang jelas. Contoh bagi fakta juga sesuai dan tepat seperti yang terdapat dalam *Hikayat Putera Jayapati*.

2) a) tiga perwatakan putera jayapati bersama cendek.
 Tiga perwatakan putera jayapati
 bersama cendek seorang yang baik menjaga
 Puteri - Puteri.
 Seterusnya, Seorang yang jujur dan ikhlas.

Jawapan calon lemah kerana fakta yang dinyatakan terlalu umum dan tidak tepat dengan perwatakan Putera Jayapati dalam teks yang dikaji.

(b) Jelaskan **dua** latar tempat yang terdapat dalam hikayat tersebut.

Bagi soalan ini, calon dikehendaki menyatakan dua latar tempat yang terdapat dalam hikayat tersebut. Setiap latar tempat perlu disokong oleh peristiwa yang berlaku di tempat-tempat yang dinyatakan.

2b) Latar tempat di Mahligai Tuan Puteri Contohnya, Putera Jayapati
 pergi ke Mahligai Tuan Puteri untuk bertemu dengan ket
 kekasihnya.
 Latar tempat di Istana. Contohnya, Raja Indera Wirama
 amat marah apabila mendengar mendengar khabar berita
 tentang anaknya, lalu menyuruh hulubalang -hulubalang
 untuk menangkap Putera Jayapati.

Jawapan calon ini dalam peringkat cemerlang. Jawapan calon menjelaskan latar tempat dengan tepat dan mengaitkan latar tempat dengan peristiwa yang terdapat dalam hikayat berdasarkan kehendak soalan.

Soalan 3

Bahagian B (Puisi Moden dan Drama)

Jawab sama ada Soalan 3 atau Soalan 4.

- 3 *Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

DUKA TANAH

Duka tanah
kepedihan menyusur ke dalam
urat-uratnya
seakan di dalam paru-paru
sedang menyeret nanah luka
dan udara hanyir bersembilu tajam.

Menusuk bersama hujan meluncur
ke lembah
mengikis dan mencalar
kian deras pula kulit batu mengelupas
dan pulang ke tanah, mengheret sisa toksik
dengan deru angin gersang lebih keras
mencakar
dan meragut ikatan mesra.

Inilah duka
yang bertambah duka
berdiam pun duka, menggelongsor pun
duka.
di dalam sekepal digenggami saraf-saraf
duka.

Dukamu tanah
lukaku juga, namun akan kupulang jua
ke dalam dukamu
kerana ini adalah asalku.

CHU E LIANG

- (a) Huraikan **nada** sajak di atas.

Bagi soalan 3a, calon diminta menghuraikan nada sajak yang diberi. Dalam jawapan, calon diharap agar dapat menyatakan fakta dan contoh bagi fakta setiap fakta yang diberikan dalam sajak tersebut.

3a	Nada sajak diatas ialah Melankolik yang menggambarkan kesedihan penyajak kepada tanah yang telah di terokai oleh manusia menyebarkan berlokaunya bencana alam.
	Penyajak juga sedih kerana ^{segera} manusia tidak menghargai tanah untuk menjaganya dengan baik. Penyajak juga sedih bahawa tanah mufanya tercipta manusia dan suatu hari nanti manusia juga akan kembali semula kepada tanah.

Jawapan calon di atas termasuk dalam kategori cemerlang. Jawapan calon jelas dan menepati kehendak soalan. Fakta tentang nada melankolik yang disampaikan tepat walaupun ringkas dan disertakan dengan contoh yang jelas bersesuaian dengan fakta tersebut.

3a) Nada sajak di atas ialah a, b, c, d, e, f, g, h, i, j.

Jawapan calon ini lemah kerana tidak menepati kehendak soalan. Jawapan yang diberikan dalam bentuk huraian bagi rima akhir.

(b) Jelaskan **dua** gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam sajak di atas.

Bagi soalan 3b, calon dikehendaki menjelaskan dua gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam sajak yang diberi. Jawapan ini memerlukan fakta dan contoh yang tepat.

3b. Gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam sajak di atas ialah gaya bahasa asonansi. Sebagai contoh pada rangkap kedua baris pertama sajak di atas.

Menusuk berama hujan meluncur

Gaya bahasa pengulangan seterusnya ialah aliterasi yang terdapat pada rangkap pertama baris kelima.

sedang mengereret nanah luka

Selain itu, gaya bahasa epifora seperti dalam contoh berikut

Inilah duka

yang bertambah duka

} Rangkap ketiga Baris
pertama dan kedua.

Jawapan calon di atas termasuklah dalam kategori cemerlang bertepatan dengan kehendak soalan. Unsur gaya bahasa dan huraian disampaikan dengan jelas.

b) Gaya bahasa yang terdapat pada sajak di atas ialah personifikasi iaitu unsur yang ber berlebihan oleh penyajak. Hal ini ditunjukkan melalui rangkap pertama baris keenam iaitu dan udara henyer bersembilu tajam.

Gaya bahasa yang seterusnya ialah sintope iaitu unsur pengulangan kata pemendekkan kata. Hal ini dibuktikan pada rangkap empat, baris dua iaitu luka ku juga, namun akan ku pulang jua. Pemendekkan kata tersebut ialah ku yang kata dasarnya ialah aku.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kategori lemah. Jawapan yang diberikan tidak tepat dari segi fakta. Jawapan tidak memenuhi kehendak tugas iaitu gaya bahasa pengulangan.

(c) Cipta sebuah sajak bertemakan **alam sekitar**. Panjangnya sajak tersebut antara **12 hingga 15** baris.

Bagi soalan 3c, calon dikehendaki mencipta sebuah sajak bertemakan alam sekitar. Panjangnya sajak yang dicipta antara 12 hingga 15 baris.

3c. Alam nan indah

Di dadamu
terhampar sawah nan damai
padi menguning bagai sutera
membaluti tubuhmu
yang mulus
dan suci.

Di dadamu
terbentang lautan luas
ombak mengalun mesra
mengalun kenangan
keindahan
abadi.

Alam bagaikan
berbicara denganku
peliharalah kesucian
anugerah Tuhan
yang bakal dipersiapkan
di padang masyhau.

Ciptaan sajak yang cemerlang. Sajak ciptaan calon adalah indah dan menepati kehendak soalan iaitu bertemakan alam sekitar dan ditulis melebihi 15 baris. Ciptaan sajak ini juga memenuhi kriteria tema, bentuk, gaya bahasa dan kreativiti calon.

3c Mencipta sajak.

Hari demi hari
Kita kian dewasa
Hari demi hari
Manusia terus alpa.
Lupa amanah Tuhan
Lupa hidup berjiran.
Aduhai manusia
usah terus leka
dengan nikmat dunia
kerana semuanya hanya sementara.

Ciptaan sajak yang lemah. Sajak yang dicipta tidak menepati kehendak soalan terutama aspek tema alam sekitar dan antara 12 hingga 15 baris walaupun gaya bahasa masih baik.

Soalan 4

4 Berdasarkan drama *Lima Perwira* karya Kala Dewata:

(a) Berikan **empat** peristiwa yang menggambarkan keberanian Hang Tuah.

Bagi soalan 4a, calon dikehendaki menyatakan empat peristiwa yang menggambarkan keberanian Hang Tuah berdasarkan drama *Lima Perwira* karya Kala Dewata.

4 (a) Peristiwa

Hang Tuah berani mengambut cabaran
Juragan kilat Bersiung untuk berlawan
Selain itu, Hang Tuah berani mempertahankan
pendirian dan sikap untuk taat kepada raja
walaupun dicabar oleh Juragan kilat Bersiung.
Hang Tuah berani mempertahankan nyawa
dauipada menderhaka kepada raja.

Jawapan calon cemerlang kerana mengemukakan peristiwa yang tepat berdasarkan drama yang dikaji.

- 4a) 1 menentang musuh untuk keselamatan ;
 2 menyelamatkan orang-orang kampung ;
 3 tidak gentar dengan api sekalipun rintangan.
 4 tidak mudah mengalah.

Jawapan yang dikemukakan terlalu umum dan tidak menggambarkan peristiwa mengikut tugas soal. Jawapan ini dalam kategori lemah.

(b) Jelaskan tiga pengajaran yang terdapat dalam drama tersebut.

Bagi soal 4b, calon dikehendaki menjelaskan tiga pengajaran yang terdapat dalam drama Lima Perwira.

- b. Tiga pengajaran yang terdapat dalam drama tersebut ialah.
- Kita hendaklah taat setia kepada raja yang memerintah. Contohnya Hang Tuah dan rakan-rakannya menentang Anun kerana menentang sultan.
- Selain itu, kita jangan bertindak kasar terhadap orang lain. Contohnya, Anun-Anun menyetujui Hang Tuah dengan rakan-rakannya dengan memukul mereka.
- Kita tidak perlulah mempercayakan tanah air kepada musuh. — Contoh, Hang Tuah dan rakan-rakan berani menentang Anun di laut Selat Melaka.

Jawapan calon adalah tepat dan cemerlang. Pernyataan pengajaran yang diberikan tepat dan disertakan contoh yang bersesuaian dengan fakta dalam drama.

4b) Berdasarkan drama Lima Pewira karya Raja Dewata terdapat tiga pengajaran dalam drama tersebut.

Antaranya, tolong-menolong. Contohnya, Hang Tuah telah bantu tolong-menolong orang kampung apabila berada dalam keadaan susah.

Selain itu, bertimbang rasa. Contohnya, Hang Tuah bertimbang rasa akan keputusan raja tersebut yang inginkan Hang Tuah berkahwin dengan puterinya.

Disamping itu, bertanggungjawab, contohnya, Hang Tuah ~~meleka~~ merupakan seorang yang bertanggungjawab seperti menewalkan raksasa tersebut dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya,

Jawapan ini dikategorikan sebagai lemah. Jawapan yang dikemukakan tidak menepati kehendak soalan. Fakta yang diberi tidak tepat. Jawapan diberi berbentuk nilai dan bukan pengajaran.

Soalan 5

5 Berdasarkan cerpen *Anak Gembala* karya Zahari Affandi:

(a) Nyatakan **tiga** persoalan berserta contoh.

Bagi soalan 5a, calon dikehendaki menyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam cerpen *Anak Gembala* karya Zahari Affandi. Setiap persoalan perlu disertakan dengan contoh yang sesuai.

a)

Kegisihan dalam bekerja. Contohnya,
Mat Seman gigih membela kerbau.

Keberanian mempertahankan hak diri
dan keluarga. Contohnya, Mat

Seman berani mempertahankan kawasan
ternakan kerbaunya daripada pencerobahan.

Mempertahankan amalan tradisi keluarga.

Contohnya, Mat Seman menervuskan
amalan tradisi memelihara kerbau
keluarganya.

Jawapan calon di atas termasuk dalam kategori cemerlang. Jawapan adalah tepat kerana jawapan tentang persoalan bertepatan dengan tugas soal. Persoalan disokong dengan peristiwa yang berkaitan daripada cerpen *Anak Gembala*.

5a) Tiga persoalan berserta contoh

Antara persoalan yang terdapat cerpen *Anak Gembala*

karya Zahari Affandi ialah persoalan kasih sayang anak kepada

ibunya. Orang tuanya. Selain itu, ketabahan menghadapi dugaan

seterunya keprihatinan terhadap orang lain.

Jawapan yang dikemukakan tidak menepati kehendak soal. Hanya satu fakta persoalan sahaja yang bertepatan dengan kehendak soal. Jawapan calon ini dikategorikan sebagai sederhana.

5(a) Berdasarkan cerpen yang saya kaji ialah cerpen Anak Gembala karya Zahrain Affandi.
Terdapat tiga persoalan beserta contoh tindak tanduknya dalam melakukan pekerjaan. Selain itu, persoalan kasih sayang terhadap binatang. Disamping, kagawasan seorang binatang.

Jawapan calon ini dikategorikan sebagai lemah. Persoalan yang dikemukakan tidak terdapat dalam cerpen yang dikaji.

(b) Jelaskan empat latar masyarakat.

Bagi soalan 5b, calon dikehendaki menjelaskan empat latar masyarakat daripada cerpen Anak Gembala.

b) Latar masyarakat
masyarakat kampung. Contohnya, Mat Seman dan keluarganya tinggal di desa. Masyarakat mementingkan ilmu pengetahuan contohnya, keluarga Mat Seman mahu anak-anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke manara gading.
Masyarakat yang ketinggalan dalam pembangunan. Contoh, penduduk kampung masih mandi di perigi dan menggunakan pelita.
Masyarakat yang mahu kemajuan hidup. Contoh, keluarga Mat Seman gembira menerima pemodenan di kampung mereka.

Jawapan calon adalah tepat. Fakta latar masyarakat dan contoh tepat sebagaimana yang terdapat dalam cerpen Anak Gembala. Jawapan ini dikategorikan sebagai cemerlang.

5(b) Empat persekutuan latar masyarakat.

Antara latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen ini ialah
Masyarakat yang telah menghadapi cabaran dan dugaan. Selain
itu, masyarakat yang sayang kepada orang tuaanya. Seterusnya,
masyarakat yang baik hati dengan orang lain. Akhir sekali,
masyarakat pembantu orang yang susah.

Jawapan yang dikemukakan masih tepat tetapi tidak lengkap kerana hanya satu jawapan sahaja yang tepat. Oleh itu, jawapan ini dikategorikan sebagai sederhana.

5(b) Empat latar masyarakat ialah masyarakat manusia.

selain itu, masyarakat haiwan. Disamping itu, masyarakat yang
berejessama dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Akhir sekali,
masyarakat yang sayang akan binatang.

Jawapan calon dikategorikan lemah kerana faktanya tidak tepat sebagaimana yang dikehendaki dalam tugas soal. Fakta yang diberikan terlalu umum berdasarkan latar masyarakat yang dikehendaki dalam soal.

Soalan 6

6 Berdasarkan novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd. Rashid:

(a) Terangkan **tiga** peranan watak Solehah.

Soalan ini memerlukan calon menerangkan tiga peranan watak Solehah berdasarkan novel *Jeriji Kasih*.

6. a) Solehah berperanan sebagai seorang ibu kepada Anuariza dan Azuera. Contohnya, Solehah membesarkan Anuariza dan Azuera sejak dari kecil lagi. Seterusnya, Solehah berperanan sebagai seorang yang mencari natak bagi anak-anaknya. Contohnya, Solehah bekerja demi mencari duit untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anaknya. Selain itu, Solehah juga berperanan sebagai seorang pendidik. Contohnya, Solehah mendidik Anuariza dan Azuera supaya menjadi orang yang berguna sejak dari kecil lagi. Akhir sekali, ~~Solehah~~ Solehah berperanan dalam memelihara Syed Farid Fariz dan Sharifah Farisya. Contohnya, Solehah bakal bertahwin dengan Syed Mustafa dan bakal menjadi ibu kepada Syed Fariz dan Sharifah Farisya.

Jawapan calon ini adalah dalam kategori cemerlang. Peranan Solehah dalam jawapan calon adalah tepat. Jawapan disampaikan dengan jelas berdasarkan peristiwa dalam novel tersebut.

6a) Peranan watak solehah ialah seorang wanita yang tabah dan sabar. Contohnya, Solehah sabar dan tabah apabila dihina oleh penduduk kampung yang mengatakan dia perampas sunni orang dan mistin.

Peranan watak solehah ialah menjadi seorang ibu yang bertanggungjawab. Contohnya, Solehah menjalankan tanggungjawab dengan beretika sebagai penoreh getah bagi menampung kehidupan mereka seteranya.

Peranan watak solehah ialah seorang yang menghargai jasa dan budi. Contohnya, Solehah menghargai dan berterima kasih dengan ket. Siah yang sentiasa memberi bantuan dan nasihat kepada keluarganya.

Jawapan yang dikemukakan calon menjurus kepada watak dan perwatakan Solehah. Sepatutnya jawapan perlu menjelaskan peranan watak Solehah. Hal ini tidak bertepatan dengan kehendak soalan. Oleh itu jawapan ini dikategorikan sebagai lemah.

(b) Huraikan empat latar tempat.

Calon dikehendaki menyatakan empat latar tempat yang terdapat dalam Novel Jeriji Kasih. Selain itu, calon juga perlu menyatakan peristiwa yang berlaku di setiap latar yang diberi.

66)	Latar tempat di rumah Nek Siah. Contohnya, Anuarizi datang ke rumah Nek Siah untuk mengecat dan menghias bilik. Syarifah Fawiyah ini cucu perempuan Nek Siah.
	Latar tempat di Kuala Lumpur. Contohnya, Syed Mustafa dan keluarganya tinggal di Kuala Lumpur sebelum berpindah ke kampung. Syed Mustafa juga serang wabah di di Kuala Lumpur.
	Latar tempat di hutan paya bakau. Contohnya, Anuarizi akan pergi ke hutan paya bakau untuk mencari buah asam kelubi bagi mencari rezeki lebih untuk menyara keluarganya yang susah.
	Latar tempat di sekolah. Contohnya, Syed Fariz telah ponteng kelas di sekolah dan juga menghisap rokok.
	Latar tempat di hospital. Contohnya, Ruhaiza berada di hospital apabila dia dicubit oleh Syed Fariz.
	Latar tempat di Taman Fantasi. Contohnya, Anuarizi telah membuka taman fantasi dan mengujut tanaman anggur dan buah naga di sana.

Latar tempat dan peristiwa yang dikemukakan dalam jawapan calon menepati tugas soal. Latar tempat dan peristiwa saling berkaitan. Jawapan ini merupakan jawapan yang cemerlang.

6b)

Latar masyarakat yang terdapat dalam novel Jenji kasih karya Ramiah Abd. Rashid ialah masyarakat yang bekerjasama dalam melakukan perkara.

kedua

Latar masyarakat yang terdapat dalam novel Jenji kasih karya Ramiah Abd. Rashid ialah masyarakat yang beragama Islam.

Latar masyarakat yang ketiga terdapat dalam novel Jenji kasih karya Ramiah Abd. Rashid ialah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

Latar masyarakat yang keempat terdapat dalam novel Jenji kasih karya Ramiah Abd. Rashid ialah masyarakat yang mengutamakan keadilan masyarakat dalam kehidupan seharian.

Jawapan calon tidak menepati fakta yang dkehendaki dalam tugas soal. Jawapan yang dikemukakan menyentuh latar masyarakat bukan latar tempat sebagaimana kehendak soalan. Jawapan ini dalam kategori lemah.

6b). Empat latar tempat ialah :-

- di perkampungan.
- di bandar kecil
- di kampung.

Jawapan calon dikategorikan sebagai lemah kerana fakta yang diberi terlalu umum. Cara penulisan jawapan pula tidak menepati kehendak soalan esei iaitu pernyataan yang disampaikan terlalu ringkas.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu membaca dan memahami semua arahan yang terdapat pada muka hadapan buku soalan.
2. Calon perlu bijak membahagikan masa ketika menjawab semua soalan.
3. Calon perlu prihatin akan bentuk tulisan semasa menjawab soalan supaya tulisan lebih jelas dan kemas. Gunakan pen yang berdakwat terang untuk memudahkan pemeriksa memeriksa jawapan calon.
4. Calon perlu mengetahui dan menguasai semua format kertas soalan.
5. Ketika menjawab soalan Bahagian Satu, calon perlu menyampaikan jawapan dalam bentuk struktur, jawapan ringkas atau jawapan pendek.
6. Latih tubi untuk menjawab soalan Bahagian Satu dan Bahagian Dua amat penting. Calon disarankan supaya membaca teks yang dikaji dan menganalisisnya dalam bentuk perbincangan kumpulan supaya mencapai aras kefahaman yang lebih cemerlang.
7. Calon perlu membaca bahan-bahan ilmiah, majalah dan akhbar berlatarkan sastera supaya dapat meningkatkan pengetahuan serta penghayatan.
8. Calon mestilah membaca teks asal novel yang dipelajari di Tingkatan 4 dan 5. Calon perlu mengelakkan daripada membaca sinopsis cerita daripada buku-buku ulasan.
9. Calon perlu merujuk kamus sastera untuk menguasai istilah dan konsep sastera dengan jelas dan tepat.
10. Calon disarankan supaya banyak membuat latihan sendiri dengan menggunakan soalan peperiksaan tahun-tahun yang lepas.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru wajib menguasai kandungan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu dan Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk tujuan perancangan dan penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran.
2. Guru perlulah mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk membantu pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran-kemahiran yang penting dalam bidang sastera termasuk pengkaryaan.
3. Guru perlu memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar yang lemah dalam Kesusasteraan Melayu dengan membimbing mereka membuat latihan pemulihan yang sewajarnya.
4. Guru perlu mendedahkan format penyampaian jawapan yang betul agar pelajar dapat menguasai dan menjawab soalan Bahagian Satu dan Bahagian Dua dengan baik.
5. Guru perlu menghadiri Kursus atau bengkel latihan pemeriksaan skrip yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan atau mana-mana pihak yang berkenaan.
6. Guru perlu selalu mengingatkan pelajar supaya mematuhi arahan dalam kertas soalan dan membaca soalan dengan teliti.
7. Guru perlu mendedahkan soalan-soalan aras tinggi (KBAT) kepada pelajar untuk menjana idea mereka.